

DBKL bincang isu pembangunan KL

CYBERJAYA: Pandangan orang ramai dan pihak swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan diberi perhatian serius bagi mengatasi isu dan masalah dalam pembangunan Kuala Lumpur yang sering dilaporkan media tempatan dan luar negara hingga menjejaskan imej bandar di peringkat antarabangsa.

Antara isu dan masalah berkaitan Kuala Lumpur yang dipaparkan dalam media ialah kesesakan lalu lin-

tas dan pengangkutan awam, sistem perparitan, kemudahan kesihatan, riadah, kemudahan pembelajaran, tempat ibadat, alam sekitar dan warisan sejarah.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, berkata semua pandangan daripada pihak terbabit, termasuk daripada Kementerian itu sendiri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan dibincangkan menerusi Majlis Perundingan Meja Bulat

Pembangunan Wilayah Persekutuan (Kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur).

"Kita melihat rundingan itu sebagai satu langkah proaktif untuk membincangkan isu dan menyelesaikan masalah dalam satu forum yang dihadiri pihak berkepentingan serta pakar dalam bidang tertentu untuk memberi nasihat.

"Saya yakin forum seumpama ini mampu memperolehi keputusan yang lebih rasional. Perbincangan itu

akan dirumuskan, apabila kita sudah bersetuju dengan isu tertentu dan jika perlu gubal dasar.... kita akan gubal," katanya selepas merasmikan majlis perundingan itu di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Bakaruddin Othaman; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab Hakim Borhan; Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Da-

tuk Mohd Yusop dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Bandar Perbadanan Putrajaya, Osman Ahmad.

Beliau memberi contoh kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur sudah wujud sejak berpuluh tahun lalu tetapi masalah itu tidak boleh diabaikan tanpa sebarang langkah mengatasinya.

"Saya tinggal di Kuala Lumpur lebih 40 tahun...sudah lali dengan kesesakan, tapi sampai bila keadaan ini harus berterusan," katanya.